

emlyon business school Rasmi Kampus Asia Baharu

SHANGHAI, April 2017/PRNewswire/ --

Pada hari Sabtu, 8 April 2017, **emlyon business school** merasmikan kampus Asianya, Asia Europe Business School (AEBS), yang turut dihadiri oleh Konsul Besar Perancis di Shanghai, wakil-wakil daripada Kementerian Pendidikan Republik Rakyat China, Bandar Raya Lyon, majlis perbandaran Shanghai, IBM, SEB Group dan juga New Franco-Chinese Institute.

Ditubuhkan pada tahun 2015 dengan kerjasama College of Further Education (ECNU), Shanghai, Asia Europe Business School menggabungkan kecemerlangan ECNU dalam bidang sains dan **emlyon business school** dalam bidang pengurusan keusahawanan serta inovasi.

"Asia Europe Business School (AEBS), yang mula diperkenalkan beberapa bulan lalu, telah membuktikannya sebagai penanda aras untuk melatih ahli-ahli perniagaan lelaki dan wanita, para eksekutif dan juga para usahawan masa depan," kata Axel Cruau, Konsul Besar Perancis di Shanghai.

"Kami berasa bangga dapat melihat Kampus baharu di Shanghai ini dirasmikan," kata En Gérard Collomb, Senator, Datuk Bandar Lyon dan Presiden Bandar Raya Lyon. *"Dengan menubuhkan pusat pengajian bersama ini, anda melatih para pelajar untuk menjadi individu yang yakin dalam pasaran Eropah sama seperti dalam pasaran Cina."*

Kampus ini, dengan jumlah kawasan seluas 5,000 m² akan menempatkan seramai 500 pelajar antarabangsa dan Cina bagi pengambilan September serta lebih 1000 pelajar menjelang tahun 2020.

Sinergi antara penubuhan ini dan kampus-kampus **emlyon business school** di Perancis dan Morocco akan menyediakan kemudahan pembelajaran di tiga benua.

"Perasmian kampus AEBS menandakan langkah penting dalam sejarah emlyon business school," kata Bernard Belletante, Pengurus Besar **emlyon business school**. *"Menerusi kampus ini, kami telah menubuhkan sebuah pusat pengajian yang bersifat unik di dunia, yang dapat membangunkan bakat tempatan bagi menonjolkannya di peringkat antarabangsa."*

Sempena perasmian ini, **emlyon business school** menandatangani satu perjanjian kerjasama dengan Institut Perancis-Cina Baharu, menjadi ahli pengasas bagi institusi ini, yang berhasrat untuk memupuk hubungan antara Lyon dengan China.

emlyon business school turut menandatangani satu [perjanjian] kerjasama dengan Baume & Mercier, sebuah syarikat pembuatan jam tangan Switzerland yang ditubuhkan pada tahun

1830, penaja majlis perasmian kampus Shanghai dan tindakan ini disokong oleh **emlyon business school Foundation**.

Akhir sekali, IBM dan **emlyon business school** mengumumkan hasrat mereka untuk melanjutkan kerjasama mereka dengan China.

(Foto: http://mma.prnewswire.com/media/488370/emlyon_business_school.jpg)

Maklumat perhubungan akhbar:

Franck Bizet

Tel.: +33-4-78-33-78-15

bizet@em-lyon.com

Sumber: emlyon business school